

Bekas Perdana Menteri itu juga mohon dilepaskan atas 25 pertuduhan

# Najib mohon perbicaraan 1MDB dibatalkan

Oleh **SUWARNI MOKHTAR**  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak memfailkan permohonan agar perbicaraan penyelewengan dana RM2.28 bilion milik 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang telah berjalan selama 167 hari dibatalkan.

Najib juga memohon dilepas dan dibebaskan atas 25 pertuduhan menggunakan kedudukannya mendapatkan suapan dan pengubahan wang haram memabitkan jumlah sama.

Ia dimaklumkan oleh peguam bela, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah ketika sambung bicara di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah.

"Rentetan daripada pendedahan Yang Arif kira-kira dua minggu lalu, kami mendapat arahan daripada anak guam kami untuk memfailkan permohonan agar Yang Arif menarik diri daripada terus mendengar, memutuskan dan membuat penghakiman mengenai kes ini," ujar peguam itu.

Katanya, sekiranya permohonan menarik diri itu dibenarkan, terdapat tiga pilihan yang boleh dibuat oleh mahkamah.

"Kalau permohonan ini dibe-



**NAJIB Razak tiba di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam bagi perbicaraan kes pengubahan wang haram memabitkan dana 1Malaysia Development Berhad. - UTUSAN/M FIRDAUSM JOHARI**

narkan, Yang Arif perlu membatalkan perbicaraan ini serta Datuk Seri Najib dilepaskan dan dibebaskan daripada kesemua pertuduhan.

"Sekiranya permohonan ini dibenarkan, Yang Arif boleh mengarahkan agar kes ini dibicarakan semula (de novo) di ha-

dapan hakim baharu.

"Selain itu, mahkamah boleh mengarahkan agar perbicaraan pada peringkat ini diteruskan di hadapan hakim "baharu," kata Muhammad Shafee.

Pada 26 Julai lalu, Hakim Sequerah mendedahkan bahawa beliau pernah bekerja di firma

guaman yang sama dengan bekas peguam 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Jasmine Loo Ai Swan.

Prosiding diteruskan dengan bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz menyambung keterangannya di peringkat pemeriksaan utama.